

ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK PENYEBARAN ILMU ERA *DIGITAL*: MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN INFORMAL

Aza Shahnaz Azman, Fadilah Mat Nor, & Junainah Idris

Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Aza Shahnaz Azman. Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: azashahnaz@kuis.edu.my.

Abstrak

Masjid merupakan institusi yang berperanan dalam mendidik masyarakat selain daripada pusat ibadah, pentadbiran, perekonomian dan kemasyarakatan. Dengan berlakunya situasi pandemik COVID-19 yang menjadi pemangkin kepada perubahan dalam penyebaran ilmu penggunaan medium digital kepada masyarakat sekali gus memberi kesan kepada tahap keberkesanan penyebaran dakwah Islam. Isu ini telah mendapat perhatian dan kajian yang berkaitan dengan potensi masjid sebagai pusat pengajian secara informal tetapi tidak ramai penyelidik yang cuba menyusun dan melakukan sorotan literatur bersistematik keatas isu penyebaran ilmu secara informal dengan menggunakan medium digital dalam mendepani arus perubahan ekonomi semasa. Oleh itu, tujuan utama kertas kerja ini melihat kepada peranan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu secara informal melalui penggunaan digital semasa. Ia merupakan satu bentuk dakwah kontemporari yang secara langsung mampu membentuk masyarakat. Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta Analysis*). Data utama pencarian sumber yang berkaitan untuk SLR ini adalah daripada tiga pengkalan data utama iaitu Scopus, Web of Science dan Science Direct. Dapatan kajian telah memperoleh empat (4) tema utama seperti potensi masjid, penyebaran ilmu, penggunaan media baharu dan pembelajaran informal. Hasil kajian dipercayai boleh membantu kepada pihak pembuat dasar, pengamal dan penyelidik untuk membangunkan modul yang terbaik sebagai panduan bagi dakwah kontemporari terkini. Justeru itu, kajian ini diharap dapat menjadi sumber dalam kajian-kajian lain yang berkaitan dengan pemerkasaan masjid dalam penyebaran ilmu secara informal melalui penggunaan digital semasa.

Kata kunci Sorotan literatur bersistematik, potensi masjid, penyebaran ilmu, pembelajaran informal, penggunaan digital

(THE SYSTEMATIC LITERATURE ANALYSIS OF THE DISSEMINATION OF KNOWLEDGE IN THE DIGITAL ERA: THE MOSQUE AS A CENTER FOR INFORMAL EDUCATION)

Abstract

Mosques are known as an institution that, in addition to being places of worship, administrative centers, economic powerhouses, and social centers, promotes community education. Due to alterations in information distribution and the community's increased reliance on digital media, the COVID-19 epidemic has significantly impacted the effectiveness of Islamic da'wah. Although the potential of mosques as informal study centers has been investigated, there is a gap in research that systematically gathers and emphasizes literature on the use of digital media for the informal sharing of information in response to economic shifts. Therefore, this study mainly investigates the role of mosques as centers for informal knowledge exchange assisted by digital technology. This is a contemporary kind of da'wah that has the direct capacity to exert influence and shape society. This study used the PRISMA methodology, an acronym for Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis. The main data sources used for finding relevant sources in this systematic literature review (SLR) were Scopus, Web of Science, and Science Direct. The study has discovered four main themes: the potential of mosques, the spread of knowledge, the use of new media, and informal learning. The study's results are anticipated to aid policymakers, practitioners, and academics in developing ideal modules as a benchmark for contemporary da'wah practices. Therefore, this study is expected to be used as a reference point for future studies investigating how digital technology might improve the informal transfer of knowledge in mosques.

Keywords: *Systematic Literature Review, Mosque potential, informal education, digital usage, knowledge dissemination*

Received: Oct 30, 2023

Accepted: Dec 12, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pengenalan

Masjid adalah satu institusi ilmu yang menggabungkan keseluruhan ibadah samada dalam ibadah khususiyah dan ibadah umumiyah yang berbentuk kepatuhan dan ketundukan hanyalah kepada Allah SWT. Masjid dijadikan sebagai satu ruang permulaan mencakupi *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*. Peranan masjid dilihat melalui fungsi ruang dan juga dalam memperkasakan masyarakat melalui penyebaran ilmu Islam. Masjid mewujudkan ruang kepada segala bentuk aktiviti, sebagaimana firma Allah SWT melalui surah al-Taubah (9:18)

إِذَا مَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ آمِنٍ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ
وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa masjid dijadikan sebagai tempat tumpuan bagi segala aktiviti yang membantu masyarakat kearah pembangunan jiwa dan pembangunan ummah. Hadis yang dinyatakan oleh Abu Hurairah R.A tentang kelebihan dan keagungan masjid antaranya ialah:

“Tidaklah sekelompok orang berkumpul di sebuah rumah dari rumah-rumah Allah (masjid), mereka membaca al-Quran serta mengkajinya, kecuali akan turun kepada mereka kedamaian, ketenangan, rahmat Allah yang akan menyelimuti mereka, malaikat-malaikat akan mengelilingi mereka, dan Allah akan menyebut nama mereka di hadapan makhluk-makhluk yang ada di sisi-Nya”.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Justeru, daripada kepelbagaian definisi masjid yang dinyatakan, maka rumusan definisi masjid ialah ia merupakan pusat utama atau *one stop center* di mana berperanan dalam membentuk modal sosial yang akan menyumbang kepada kecemerlangan dalam peradaban Islam. Pendefinisian ini lebih merujuk kepada satu fenomena dimana terdapatnya sistem nilai dan pembangunan yang bermula daripada peranan masjid kepada ummah. Keaktifan program masjid dijadikan sebagai satu indikator dalam pengimarahkan masjid melalui majlis-majlis ilmu, aktiviti sosial dan juga aktiviti perekonomian (Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi Ajmain@Jimain Safar & Azhar Muhammad 2017). Fungsi dan peranan masjid perlu didasari dengan niat untuk memberi manfaat kepada masyarakat sekali gus memartabatkan ajaran Islam.

Pandemik Covid-19, telah mencetuskan satu perubahan dalam transformasi penggunaan digital. Menurut Kristophorus Hadiono & Rina Candra Noor Santi, (2020), kecenderungan penggunaan digital adalah bagi memutuskan rantai penyakit ini, dan semua orang perlu berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Fasa transformasi digital terus melonjak penggunaannya apabila kesemua program dan perhubungan perlu dilakukan secara maya. Justeru, dalam menelusuri Abad ke-21, telah membuktikan penggunaan digital dikalangan masyarakat kian menyeluruh. Penggunaan transformasi digital disetiap lapisan masyarakat dalam pelbagai dimensi seperti penguasaan ilmu, pembelajaran teradun, motivasi, transaksi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, keperluan kepada penggunaan kaedah digital adalah perlu dalam pelbagai program pengimarah masjid bagi menarik minat masyarakat dalam menyampaikan ilmu dan dakwah Islam (Muhammad Talhah Ajmain & Sharul Fitry Abdul Majid, 2019). Medium yang menghubungkan diantara masjid dan masyarakat kini boleh dilakukan menerusi alat komunikasi yang hanya memerlukan sentuhan jari seperti *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, *group Whatapp* dan lain-lain bagi mengaktifkan lagi serta memudahkan urusan penyebaran maklumat dan ilmu yang bersesuaian dengan situasi masa kini.

Penggunaan media digital dalam program-program pengimarah masjid seperti ceramah, tazkirah, pengajaran dan pembelajaran atas talian adalah satu isu yang penting dan perlu diberi perhatian oleh penyelidik dengan lebih mendalam tentang keberkesanan dalam penyampaian ilmu dan dakwah Islam samada di bandar atau luar bandar. Transformasi digital yang telah diadaptasikan oleh pihak institusi masjid sedikit sebanyak mempengaruhi gaya hidup daripada corak pembelajaran tradisional kepada corak pembelajaran kontemporari. Kajian yang dilakukan oleh Adanan Mat Junoh et al. (2013), Mohd Islamil Mustari et al. (2017); Muhammad Talhah Ajmain & Sharul Fitry Abdul Majid (2019) telah merumuskan bahawa masjid adalah institusi yang berperanan dalam menyampaikan ilmu. Kewujudan transformasi digital mempengaruhi penyampaian ilmu maka, keperluan kepada usaha sorotan literatur yang sistematik agar dapatan kajian dapat dikumpulkan dan difahami dengan lebih baik. Walaupun, masih terdapat sorotan literatur mengenai peranan masjid yang begitu besar, tetapi sorotan literatur bersistematik (SLR) mengenai penggunaan digital oleh masjid dalam penyampaian ilmu masih kurang dan jumlahnya tidak memberangsangkan. Penyusunan SLR ini adalah penting kerana sorotan literatur yang berbentuk tradisional (*traditional literature review*) mempunyai pelbagai isu yang berkaitan dengan ketelusan pemilihan, bias penulis (*author bias*), bias pengambilan (*retrieval bias*) dan juga bias penerbitan (*publication bias*). Maka, disebabkan permasalahan ini, SLR diperlukan untuk bagi mengatasi masalah teknik sorotan literatur (Mohamed Shaffril et al. 2020). Justeru, persoalan kajian yang diangkat dalam artikel ini ialah berdasarkan PICO iaitu permasalahan (problem/population) yang merujuk kepada penyampaian ilmu secara informal, Isu kajian (Interest) iaitu menggunakan media massa baharu atau alat digital dan Konteks kajian ialah konteks daripada masjid. Secara rumusnya, objektif kajian ialah mengenalpasti

peranan masjid dalam penyebaran ilmu secara informal menggunakan kaedah digital pada masa kini.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis literatur sistematik dimana ia menggunakan aplikasi carian secara sistematik melalui pengkalan data yang telah dikenalpasti seperti pengkalan data *Scopus* dan juga Jurnal *Web of Science*. Tiada pengkhususan terhadap penggunaan pengkalan data asalkan proses pemilihan telah melalui prosedur yang lengkap dan ketat (Mohamed Shaffril et al. 2020; Howard et al. 2019). Pemilihan artikel kajian dilaksanakan menerusi kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). Menurut Mohamed Shaffril et al. (2021), SLR ini merupakan kaedah analisis yang bersifat komprehensif, berstruktur, dan boleh diulang pada proses yang seterusnya. Malah menurut Page et al. (2021) pembentukan PRISMA bertujuan untuk membantu dalam menyemak artikel secara sistematik, telus dengan melaporkan perincian yang jelas dalam pencarian artikel. Beberapa langkah telah dikenalpasti supaya pemilihan yang dilakukan memenuhi kepada tahap kompetensi kajian SLR. Empat langkah utama iaitu pengenalanpastian (*identification*), penyaringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan pemilihan (*included*). Rajah 1 menunjukkan prosedur carta alir dan bilangan artikel semasa proses dilakukan melalui kaedah PRISMA.

2.1 PRISMA

Rajah 1 menunjukkan, kajian ini menggunakan *Web of Science* dan *Scopus* sebagai sumber kepada sorotan literatur kajian-kajian lepas. Menurut Gusenbauer & Haddaway, (2020) pemilihan dua sumber pengkalan data tersebut adalah diantara enjin carian yang terbaik dan ia membantu mendapatkan sorotan yang berkualiti dan seterusnya menghasilkan kajian sorotan yang bersistematik. Prosedur pertama dalam kaedah PRISMA ialah pengenalanpastian (*Identification*), kedua, penyaringan (*Screening*), ketiga, kelayakan (*Eligibility*) dan keempat, pemilihan (*Included*). Kelebihan prosedur ini yang diadaptasi daripada (Moher, 2009) ialah, mengenalpasti persoalan kajian secara sistematik, mengenal pasti kriteria penting dalam artikel yang ingin diterbitkan dan membantu carian pengkalan data bagi kajian saintifik literatur pada masa yang ditetapkan (Ramli et al. 2019).

Proses pertama dalam PRISMA adalah pengenalanpastian artikel melalui pencarian di pangkalan data yang dipilih iaitu *Web of Science* dan *Scopus*. Kata kunci yang ditentukan bagi carian artikel mentah adalah seperti dalam Jadual 1.


Jadual 1: Kata Kunci dan Strategi Pencarian di Pangkalan Data

Pangkalan Data	Kata Kunci yang Digunakan
Web of Science	<i>Carian 1: (ALL= (digital learning OR electronic education)) AND ALL= ((informal learning))AND (Islamic Perspective* OR religious*))</i> <i>Disaring mengikut: Jenis dokumen (Article or Proceeding Paper or Review Article)</i> <i>Carian 2: ALL= (digital transformation AND Islamic perspective AND informal learning)</i> <i>Disaring mengikut: Jenis Dokumen (Article or Proceeding Paper)</i> <i>Sub-bidang: Management or Business or Business Finance or Computer Science Artificial Intelligence or Computer Science Interdisciplinary Applications or Economics or Religion (Web of Science Categories)</i>
Scopus	<i>Carian 1: TITLE-ABS-KEY ("digital learning" OR "electronic education" OR "ICT leaning") AND (Islamic Perspective* OR religion* OR religious)</i> <i>Disaring mengikut: article, subarea (economic, social sciences, computer science,business),document type(article,conference paper), open access(all), publication stage(final), keyword(elec money, m-payment, elec commerce), , language (English, BM)</i> <i>Carian 2: TITLE-ABS-KEY (mosque OR masjid) AND ("digital transformation" OR "digital learning" OR "informal learning") AND ("potential" OR "dissemination knowledge")</i>

Sumber: Data Sekunder

Daripada kata kunci yang telah dibangunkan seperti Jadual 1, sebanyak 138 artikel telah ditemui melalui enjin carian pangkalan data yang dipilih iaitu Scopus, Web of Science (WOS) dan ScienceDirect. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 108 artikel telah dikecualikan kerana tidak menepati kata kunci yang ditetapkan dan menjadikan hanya 30 artikel disaring ke peringkat seterusnya. Kajian menetapkan dua search string bagi setiap pangkalan data dengan mengasingkan terma masjid dengan terma carian 1 kerana

kekurangan hasil dalam carian jika carian dibuat serentak. Kaedah ini adalah penting bagi memastikan kurangnya berlaku keciciran dalam carian artikel.



Rajah 1 Carta Alir PRISMA

Proses kedua PRISMA ialah penyaringan dari artikel mentah yang diperolehi dari dua pangkalan data yang dipilih. Proses ini adalah perlu bagi mengasingkan artikel yang benar-benar berkaitan dan relevan sahaja dengan objektif dan tema kajian. Pengkaji sekali lagi melakukan penyaringan dari aspek ketersediaan kertas kerja penuh dan pengulangan artikel. Di mana jumlah saringan sebanyak 30 artikel disaring sekali lagi dan mendapati sejumlah 3

artikel telah dikecualikan kerana tiada artikel penuh manakala 3 artikel lagi didapati berulang. Hasil saringan menjadikan hanya 24 artikel penuh diterima untuk proses seterusnya.

Jadual 2: Penerimaan dan Pengecualian

Kriteria	Penerimaan	Pengecualian
Jenis Penerbitan	<i>Journals (research articles)</i>	<i>book series</i>
	<i>Proceedings</i>	<i>book</i>
	<i>Conference paper</i>	<i>chapter in book</i>
Bahasa	<i>English</i>	<i>Non-English</i>
Sub bidang	<i>Social sciences, computer sciences, Business, Management and Accounting, Religious</i>	<i>Engineering, Decision Sciences, Psychology, Medicine, Environmental Science, Arts and Humanities</i>

Sumber: Data Sekunder

Bagi proses penerimaan, pengkaji telah menggariskan beberapa kriteria untuk pengecualian bersebab di mana 2 artikel telah dikecualikan kerana tidak berkaitan dengan tema yang ditetapkan. Kajian menetapkan ranking jurnal daripada Q1 hingga Q4 adalah diterima bagi tujuan proses pemilihan. Hal ini termasuk artikel yang tidak mempunyai Skor H-Index dan SJR 2022 index turut dimasukkan sebagai data kajian. Justifikasi dipilih walaupun tiada skor selagi artikel tersebut diterbitkan dalam jurnal WoS, dan Scopus kerana limitasi mendapatkan artikel yang memenuhi semua elemen yang ditetapkan. Ringkasan kriteria penerimaan dan pengecualian juga boleh dirujuk dalam Jadual 2. Hasil analisis PRISMA mendapati hanya 22 artikel yang menepati tema yang ditetapkan. Maka, analisis kandungan akan dilakukan terhadap 22 artikel yang telah dipilih.

3. DAPATAN KAJIAN

Perbincangan keputusan kajian akan dibahagikan kepada beberapa subtopik iaitu taburan demografi artikel. Dapatan ini merangkumi taburan artikel terpilih mengikut tahun penerbitan, negara diterbitkan, kaedah penyelidikan dan *quartile ranking* bagi terbitan jurnal. Manakala bahagian kedua melibatkan perbincangan analisis kandungan berdasarkan objektif kajian.


3.1 Karaktor Demografi Artikel

Perbincangan karakter demografi artikel dibentangkan mengikut tahun penerbitan, negara terbitan dan *ranking* jurnal.

3.1.1 Taburan Artikel mengikut Tahun

Rajah 2 menunjukkan taburan artikel mengikut tahun penerbitan. Hasil dapatan mendapati tahun 2022 menyumbang paling banyak artikel iaitu sebanyak 12 artikel (55%) berkaitan tema terpilih. Diikuti tahun 2021 dan 2020 masing-masing dengan 5 artikel (23%) dan 4 artikel (18%). Manakala bagi tahun 2023 tahun artikel yang diterbitkan hanya 1 artikel dengan peratusan 4%. Taburan terbitan artikel adalah dilihat menunjukkan tren menaik dan dijangka terus meningkat sehingga akhir tahun 2023. Bagaimanapun tahun 2022 mencatatkan bilangan artikel berkaitan tema paling banyak dikeluarkan. Tren dilihat meningkat dengan mendadak mulai tahun 2019 sehingga 2023. Fenomena ini dikaitkan dengan situasi pandemik Covid-19 yang menggalakkan penggunaan media secara maya. Tren ini juga menggambarkan tema dan topik kajian adalah relevan dan penambahan kajian literatur adalah kritikal untuk dikembangkan.

Rajah 2 Taburan Artikel Mengikut Tahun




Sumber: Data Sekunder

3.1.2 Taburan Artikel mengikut Negara

Rajah 3 menunjukkan taburan artikel berdasarkan lokasi (negara). Berdasarkan rajah tersebut, artikel yang banyak menyumbang dalam kajian ini adalah daripada 9 buah

negara iaitu Amerika Syarikat (USA) dengan 27% iaitu 6 artikel, diikuti dengan 23% daripada negara United Kingdom (UK) sebanyak 5 artikel. Seterusnya negara Switzerland menerbitkan 5 artikel dengan peratusan 23%. Manakala bagi negara Turkey, Singapura, Italy, Netherland, Indonesia dan Arab Bersatu masing-masing dengan terbitan sebanyak 4.5% iaitu 1 artikel. Artikel yang diterbitkan ini adalah berdasarkan daripada kata kunci, abstrak dan juga saringan artikel yang memenuhi keperluan kajian.

Rajah 3 Taburan Penerbitan Artikel Mengikut Negara




Sumber: Data Sekunder

3.2.1 Taburan Artikel mengikut Metodologi Kajian

Taburan artikel mengikut metodologi kajian mendapati 9 artikel (41%) adalah daripada kajian yang menggunakan kaedah metod campuran (Mixed Methodology), manakala kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif masing-masing adalah sebanyak 8 artikel dengan 36% dan 5 artikel dengan 23%.

Rajah 4 Taburan Artikel mengikut Metodologi Kajian



Sumber: Data Sekunder

3.2.2 Taburan Artikel mengikut Penerbit dan *H-Index* dan *SJR 2022 Ranking*

Seterusnya, dapatan kajian akan membentangkan taburan artikel mengikut penerbit berserta kedudukan dan skor kuartil penerbit yang dinilai menggunakan *SJR index 2022* dan *H-index*. Dapatan ini adalah penting bagi memastikan hanya artikel yang berada dalam radar jurnal berindeks tinggi dipilih bagi tujuan analisis.

Jadual 3 Taburan Artikel mengikut *H-Indeks* dan *Ranking SJR 2022 Indeks*

Nama Jurnal	Bil Artikel	Quartile	H-Index	Ranking SJR 2022 Indeks
International Journal of Information and Communication Technology Education	1	Q2	19	0.38
Museums and Social Issues	1	Q3	7	12
Journal of Information Technology	1	Q1	86	1.38
Education Sciences	1	Q2	40	0.61
Frontiers in Sociology	1	Q1	19	0.66
Journal of Second Language	1	Q1	96	2.31

Writing				
International Journal of Innovation and Learning	1	Q3	29	0.23
International Journal of Mobile and Blended Learning	1	Q2	20	0.44
Asia-Pacific Education Researcher	1	Q1	37	0.99
Active Learning in Higher Education	1	Q1	57	1.69
Academic Journal of Interdisciplinary Studies	1	Q2	10	0.18
Education and Information Technologies	1	Q1	61	1.25
Education Sciences	2	Q2	40	0.61
Cultural Education	1	Q1	37	0.86
Educational Technology Research and Development	1	Q1	101	1.52
Library Philosophy and Practice	1	Tidak berkaitan	25	Tidak berkaitan
Arab World English Journal	1	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
Islamiyyat-The International Journal Of Islamic Studies	1	Q1	7	0.71
Religions	1	Q1	33	0.32
International Journal Of Education In Mathematics Science And Technology	1	Q2	10	0.43
Plos One	1	Q1	404	0.89

Sumber: Data Sekunder

Berdasarkan Jadual 3 diatas, menunjukkan bahawa Jurnal Education Sciences dengan 2 terbitan artikel berada pada ranking SJR Q2: 0.61, H-Index 60 , dengan terbitan jurnal ini merangkumi kata kunci yang menepati kajian dengan tema pendidikan informal dalam kalangan masyarakat. Manakala artikel daripada penerbitan jurnal lain juga mencatatkan penerbitan 1 artikel yang memenuhi tema kajian dan setiap daripada jurnal yang terpilih mempunyai rekod penerbitan yang tinggi dalam sistem Quartile dan H-Index yang tersenarai dalam SJR 2022. Secara rumusnya, pencarian SLR menerusi PRISMA telah melepasi tahap saringan yang telus dan ia menjelaskan bahawa setiap artikel yang dipilih menepati kepada syarat pencarian yang terperinci.

3.3 Perbincangan Analisis Dapatan Kajian

Objektif kertas kerja ini bertujuan untuk mensintesis dan memperluaskan pemahaman semasa mengenai (i) pembelajaran informal, (ii) digitalisasi maklumat dan media sosial. Sekali gus merujuk kepada peranan masjid dalam menyebarkan ilmu yang melihat kepada penggunaan alat bantuan media sosial dengan kaedah yang terkini berdasarkan situasi semasa.

Objektif 1: Mensintesis penyampaian ilmu secara informal

Majoriti kajian lepas meringkaskan penyebaran ilmu secara informal ialah penyampaian tidak lagi berada dalam ruang lingkup tradisional dan ilmu tersebut disebarkan melalui medium yang boleh dicapai oleh masyarakat dengan lebih mudah bagi menarik minat mereka. Informal boleh ditafsirkan juga sebagai satu bentuk penyampaian yang lebih bersifat pembelajaran sendiri (*self-directed learning*), dimana individu dimotivasikan oleh diri untuk mencari ilmu dan tiada faktor luaran dalam mempengaruhi tindakan tersebut (Mashitah Binti Sulaiman, Mohd Nazir Bin Ahmad , Anita Ismail 2022). Dengan pendekatan penyampaian informal yang berlaku kini, alat yang membantu kepada penyampaian tersebut ialah sistem maklumat digital yang berevolusi tinggi. Alat ini hanya memerlukan pendekatan berbentuk ‘mahu’ untuk mendapatkan ilmu tersebut. Sekali gus kaedah ini menarik minat golongan yang lebih muda untuk lebih mendekati Islam dan syariat Islam (Al-Sabaawi et al. 2021; Whyte 2022). Manakala bagi sorotan literatur peranan masjid dalam penyampaian ilmu menggunakan kaedah digital ini yang dikenal sebagai media baru (Junoh et al. 2013; Mohd Ismail Mustari , Bushrah Basiron , Kamarul Azmi Jasmi Ajmain@Jimain Safar, & Azhar Muhammad 2017; Zawin Hannan Soffea Shahbudiin, Setiayawan Gunardi 2023).

Menurut Brookfield (1986), pembelajaran informal lebih melihat kepada pembelajaran orang dewasa dalam aspek pembangunan diri. Ia bertujuan untuk memastikan golongan dewasa lebih berkeyakinan dan meningkatkan pembangunan diri individu. Pembelajaran dewasa ini dikenali sebagai Andragogi (pembelajaran dewasa) yang mempunyai lima andaian penting iaitu (i) konsep sendiri, (ii) pengalaman orang dewasa, (iii) kesediaan untuk belajar, (iv) orientasi pembelajaran dan (v) motivasi belajar (Knowles 1984). Maka, kerangka pembelajaran dewasa sangat berlainan daripada pembelajaran formal yang diterima oleh golongan kanak-kanak dengan struktur dan matlamat pembelajaran mereka. Pendekatan penyampaian ilmu secara informal lebih menunjukkan trend peningkatan yang melonjak tinggi apabila perubahan mendadak dalam struktur ekonomi negara apabila tercetusnya fenomena penyakit Covid-19. Trend ini terus melonjak naik apabila pihak berkuasa mengistiharkan BDR (bekerja dari rumah) dan juga tiada perjumpaan secara bersemuka dan perhubungan hanyalah melalui alam maya (Mirbabaie et al. 2020).

Memperdayakan lagi peranan masjid sebagai pusat keilmuan dan kegiatann Islam adalah perananan utama masjid. Institusi keilmuan ini tidak hanya berlaku di dalam ruang masjid sepeti dikelas atau ruang solat bagi ceramah-ceramah yang berskala besar atau kecil tetapi ia juga berlaku dengan menggunakan ruangan maya. Oleh itu, peranan masjid perlu dioptimumkan bagi membangun masyarakat dalam merentasi peredaran masa. Halatuju pendidikan di masjid perlu diperkembangkan. Menurut Mohd Ismail Mustari , Bushrah Basiron , Kamarul Azmi Jasmi Ajmain@Jimain Safar, & Azhar Muhammad, (2017); Zawin Hannan Soffea Shahbudiin, Setiayawan Gunardi, (2023); Muhammad Talhah Ajmain & Sharul Fitry AbdulMajid, (2019) penambahbaikan terhadap program-program serta silibus perlu diperhalusi agar penyampaian ilmu Islam itu dapat membangunkan potensi diri masyarakat dan melahirkan generasi yang bertamadun tinggi dengan akhlak yang terpuji. Selain daripada itu, institusi masjid dianggap sebagai tempat yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada komuniti dengan melaksanakan aktiviti bersifat perekonomian dan kemasyarakatan. Hubungan diantara masyarakat dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana masjid menjadi tunggak kepada perhubungan dalam Islam dan nadi pergerakan pembangunan Islam. Walaupun begitu, masjid memerlukan masyarakat untuk mengimarahkannya. Justeru, cadangan kearah pemerkasaan masjid sangat penting berdasarkan situasi semasa agar, masjid tidak ketinggalan dan menjadi pusat rujukan sekaligus dapat melebarkan lagi ilmu-ilmu Islam selari dengan modenisasi yang berlaku dalam masyarakat kontemporari dalam era digital kini.

Objektif 2: Media Sosial Dan Digitalisasi Maklumat Dalam Sorotan Literatur

Seterusnya bagi perbincangan objektif yang kedua ialah mengenai peranan media sosial dan penggunaa alat digital dalam penyampaian ilmu. Sorotan literatur kajian lepas yang melihat kepada fungsi dalam pemerkasaan ilmu telah menerbitkan tiga sub-tema berdasarkan konteks perbincangan. Antaranya ialah (i) peranan media sosial, (ii) penggunaan alat digital (iii) isu dan cabaran. Jadual 4 merupakan ringkasan kepada dapatan daripada sorotan literatur.

Jadual 4 Dapatan Sorotan Literatur

Terbitan Tema	Penulis	Sorotan Literatur
Peranan media sosial	Al-Sabaawi et al. (2021); Mirbabaie et al. (2020); Ulum et al. (2021); Anita Ismail et al. (2021); Mashitah Binti Sulaiman, Mohd Nazir Bin Ahmad, Anita Ismail (2022)	Media sosial membantu proses pembelajaran secara informal semasa pandemik yang berlaku di seluruh dunia. Garapan ilmu yang disampaikan adalah lebih mudah difahami dan menarik minat golongan generasi Z dan golongan dewasa.

	Anita Ismail et al. (2021); Muharom et al. (2022); Shafie et al. 2011; Ulum et al. (2021)	Penggunaan kaedah digital dalam penyampaian ilmu memberi kesan positif dan negative jika tidak dipantau dengan baik. Pihak pengamal perlu memastikan maklumat yang disampaikan adalah telus dan tidak bias pada perkara-perkara yang tertentu. Pengguna perlu memastikan maklumat adalah benar, jelas dan tidak mengelirukan.
Penggunaan alat digital	Anita Ismail et al. (2021); Bjursell et al. (2021); Di Rienzo (2020); Noradilah binti Aziz & Lai Wei Sieng (2019)	Perlu memastikan jam penggunaan dan tidak melebihi waktu yang ditetapkan sehingga boleh memudaratkan kesihatan. Alat hubungan yang mudah dan mengurangkan masa perjumpaan. Memastikan maklumat adalah benar dan jelas serta tidak mengelirukan. Isi kandungan dakwah perlu benar.
	Al-Sabaawi et al. (2021); Marsick & Watkins (2001); Muharom et.al. (2022); Ulum et al. (2021); Whyte (2022)	Sumbangan besar ICT dalam pembelajaran telah mengubah hala tuju pendidikan negara. Masjid perlu dilengkapi dengan alat ICT agar pihak pengurusan masjid mendapat maklum balas mengenai program-program yang dicadangkan oleh masyarakat. Laman-laman web masjid perlu dilengkapi agar maklumat dan isi kandungan dakwah pantas disalurkan.

Isu dan Cabaran	Abd.Ghani (2002); Mokhtar et al. (2021); Nofrianti & Arifmiboy (2021); Ulum et al., (2021); Whyte (2022); Saiful et al. (2021)	Keperluan kemudahan infrastruktur ICT/pelayaran yang tinggi bagi memudahkan pembelajaran secara maya. Kesediaan pengguna dalam menapis maklumat yang jelas dan benar. Kemunculan individu yang menyalahgunakan isi dakwah bagi tujuan yang bertentangan syariat Islam (mazhab yang salah) Kekilafan tentang hukum-hukum yang ada di pelayar internet. Islam mementingkan adab berguru secara tradisional, adakah pembelajaran maya telah menyalahi keyakinan dalam penyampaian ilmu. Latar belakang pengguna yang pelbagai peringkat membezakan lagi penerimaan tentang hukum hakam agama dalam penyampaian ilmu Islam.
-----------------	--	---

Sumber: Data Sekunder

Jadual 4, menunjukkan pengembangan sub tema hasil daripada carian artikel mengenai penggunaan alat digital media baharu dalam penyampaian ilmu. Isu yang berkenaan dengan tema kajian adalah berkaitan dengan gelombang baru penggunaan ICT (*Information Communication and Technology*) yang semakin melonjak penggunaannya cetusan daripada pandemik Covid-19. Ruang dakwah serta penyembaran ilmu kepada umat Islam lebih pantas dan mudah dicapai oleh pengguna di segenap lapisan masyarakat. Ruang perbahasan dan perdebatan mengenai kefahaman ilmu juga terbuka luas kepada pengguna. Namun begitu, menurut Al-Sabaawi et al. (2021); Mirbabaie et al. (2020); Ulum et al. (2021); Anita Ismail et al. (2021); Mashitah Binti Sulaiman, Mohd Nazir Bin Ahmad dan Anita Ismail (2022) peranan media baharu ini tidak di halang oleh mana-mana faktor penentu, malah ia memberi kebebasan kepada pengguna untuk menilai sendiri keberkesanan maklumat yang disampaikan meneruskannya. Malahan, alat media ini membantu proses pembelajaran secara informal semasa pandemik yang berlaku di seluruh dunia. Walau pun begitu, terdapat

cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak institusi masjid dalam memperkasakan peranannya ialah memastikan penyampaian ilmu itu mudah difahami dan tidak disalah tafsir kerana adab berguru secara tradisional dan secara maya mempunyai kefahaman yang berbeza dan ia bergantung kepada latar belakang individu. Disinilah penyampaian yang lebih jelas dan mudah difahami perlu diperkemas oleh pendakwah (Anita Ismail et al. 2021; Muharom et al. 2022; Shafie et al. 2011; Ulum et al. 2021). Kefahaman seseorang individu terhadap sesuatu ilmu itu bukan hanya terletak pada kehebatan teknologi tetapi terletak pada mutu kandungan serta kaedah penyampaian yang menarik dan berkesan sehingga membolehkan ilmu tersebut boleh digarap dalam diri individu.

Penggunaan media ini, pada hakikatnya memberi kemudahan kepada pengguna. Segala bentuk pencarian maklumat dan informasi boleh dilakukan dengan mudah dengan melayari laman sesawang yang dikehendaki. Kepelbagaian medium perantara membuka lebih luas ruang pendakwah untuk lebih kreatif menggunakan kepakaran dalam bidang masing-masing. Hal ini perlu dimanfaatkan agar pencarian ilmu oleh masyarakat boleh dioptimumkan dan ia akan membentuk hati dan nilai murni dalam diri individu (Anita Ismail et al. 2021; Bjursell et al. 2021; Di Rienz 2020; Noradilah binti Aziz & Lai Wei Sieng 2019). Pengguna harus memahami bahawa alat media ini berperanan sebagai penyampai yang mempunyai gabungan dua unsur iaitu kebaikan dan keburukan (Nofrianti & Arifmiboy 2021). Justeru ia akan membentuk dan mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap konteks dakwah tersebut. Natiujahnya sehebat mana pun inovasi teknologi itu berlaku, hubungan diantara tahap pengetahuan perlu diperkemas kerana individu akan memanfaatkan teknologi dengan menjadikan ia sebagai alat serampang dua mata iaitu sebagai wadah penyediaan ilmu dan juga kemudahan pembelajaran.

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid dan masyarakat ialah dengan lambakan maklumat yang disalurkan ke dalam media, walaupun ia memudahkan pencarian ilmu dalam masa yang sama ia akan mengelirukan segelintir masyarakat. Kefahaman tentang sesuatu ilmu memerlukan sentuhan guru bergantung kepada latar belakang pendidikan individu. Tidak semua lapisan masyarakat berpendidikan dan berpengetahuan yang tinggi dalam ilmu agama Islam dan masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang yang berlainan di luar bidang agama. Perspepsi dan kefahaman perlu dijelaskan dan mudah difahami agar agama Islam tidak disalah tafsir oleh golongan minoriti. Menurut Abd.Ghani (2002); Mokhtar et al. (2021) kewujudan media kontemporari ini memberi banyak kemudahan dan pilihan tetapi pada masa yang sama ia berwujudkan juga masalah dalam masyarakat. Kemunculan individu yang menyalahgunakan isi dakwah bagi tujuan yang bertentangan syariat Islam (ajaran sesat) dan juga kekeliruan tentang hukum-hakam yang ada di pelayar Internet. Islam mementingkan adab berguru secara tradisional, adakah pembelajaran maya menyalahi keyakinan dalam penyampaian ilmu. Inilah antara isu yang perlu ditangani oleh pihak yang memelihara kesucian agama Islam agar Islam tidak disalah tafsir. Manakala cabaran bagi pihak masjid pula, pengurusan masjid perlu bersedia dalam menyediakan pelayaran ICT (*Information Communication and Technology*) yang tinggi bagi

memudahkan capaian internet dalam penggunaan media. Malah menurut Mokhtar et al. (2021), kecekapan pihak pengurusan dalam membangunkan beberapa kemudahan laman web agar kemudahan ilmu itu dapat disampaikan kepada masyarakat. Seterusnya, pihak masjid perlu bertindak proaktif dan berlapang dada dalam mendengar pandangan dan cadangan yang diutarakan oleh masyarakat.

4. Kesimpulan

Penggunaan media Baharu dalam penyampaian ilmu oleh institusi masjid menyediakan satu ruang yang luas dalam literatur. Kajian lepas yang mengkhusus kepada penggunaan media, peranan masjid dan juga penyampaian ilmu bersifat informal telah disusun dalam kertas kerja ini bagi memudahkan lagi kefahaman dan menganalisis dapatan tersebut. Objektif kertas kerja ini bertujuan mensintesis dan memperluaskan lagi kefahaman tentang (i) peranan masjid, (ii) penggunaan media baharu dan (iii) penyampaian bercorak informal. Melalui sorotan dan saringan kajian lepas yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa kajian ini menyarankan beberapa perkara bagi memperluaskan sorotan literatur semasa. Secara umumnya, terdapat beberapa cadangan dan jurang yang telah dikenalpasti. Perkara ini boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji masa hadapan untuk mengenalpasti kajian yang lebih komprehensif tentang pemeraksanaan masjid. Antaranya:

i. Jurang dalam kajian lepas tidak melibatkan sebarang teori.

Daripada analisis sorotan literatur, didapati terdapat jurang kajian lepas tidak melibatkan sebarang teori diantara masyarakat dan penggunaan media baharu. Teori Pertukaran Sosial (*Exchange Theory*) perlu diadaptasi untuk menggambarkan keadaan sebenar masyarakat dalam mengadaptasikan penggunaan media baharu. Manakala bagi pengurusan masjid, tiada teori yang mengukur penerimaan masyarakat terhadap penyampaian ilmu daripada pihak masjid atau pendakwah. Daripada keseluruhan artikel 22 sariangan, hanya 2 artikel yang disaring menyentuh tentang teori pendidikan secara informal.

ii. Jurang dalam penerbitan berkaitan masjid dalam terbitan berindeks tinggi.

Kelompangan ini jelas dalam pencarian artikel menerusi pangkalan data Scopus, Web of Science dan ScienceDirect dan lain-lain dalam penerbitan berindeks tinggi. Maka, pengkaji digalakan untuk menerbitkan artikel yang beraras tinggi menggunakan gabungan tema masjid dan tema kontemporari. Limitasi carian dan saringan artikel tidak terhad kepada terbitan beraras tinggi, carian juga boleh didapati menerusi carian umum seperti *Google Scholar*, *MyJurnal* dan pangkalan data universiti-universiti tempatan.

iii. Jurang dalam implikasi keberkesanan penyampaian secara informal.

Hasil analisis artikel mendapati, implikasi keberkesanan penyampaian maklumat secara informal tidak dijelaskan daripada perspektif penyampai/ guru/ pendakwah oleh kajian dalam pembelajaran informal. Kajian hanya meliputi tahap keberkesanan penerimaan maklumat secara informal daripada perspektif pelajar. Jurang ini perlu dikaji sebagai memenuhi syarat latar belakang pendidikan oleh penyampai ilmu.

Hanya 1 artikel yang mengkaji mengenai perspektif guru dalam penyampaian secara informal.

iv. Jurang dalam pemeraksanaan silibus pengajaran di masjid.

Kajian-kajian yang berkaitan pemeraksanaan masjid lebih tertumpu kepada pengurusan masjid tentang zakat, wakaf, ekonomi dan aktiviti pengimarahann masjid. Tetapi jurang tentang pemeraksanaan silibus pengajaran yang disampaikan kurang mendapat sambutan dalam kalangan pengkaji. Mereka berpandangan bahawa segala silibus tazkirah, ceramah atau kuliah selepas solat adalah di bawah seliaan majlis agama negeri. Malahan masyarakat tidak menyatakan pandangan dalam silibus keagamaan. Pihak pengurusan masjid perlu menyusun silibus mengikut keperluan masyarakat agar ilmu yang disampaikan memenuhi keperluan jiwa dan seiring dengan situasi semasa.

Penyebaran dakwah melalui media baharu adalah satu *platform* yang baik dan merupakan domain pembelajaran dan perkongsian ilmu yang menggunakan teknologi terkini. Capaian maklumat adalah lebih pantas dan mudah. Walaupun konsep pengimarahann masjid masih menjadi domain utama dalam aspek pembelajaran tetapi penggunaan *platform* ini adalah signifikan dan boleh dimanfaatkan bersama samada daripada perspektif pengurusan masjid, pendakwah dan masyarakat.

RUJUKAN

- Abd.Ghani, Z. b. 2002. Cabaran Dakwah Islam di Era Siber,. *Jurnal Usuluddin, bil 15, Julai 2002*, Bil 15(1): hlm. 133-142.
- Al-Sabaawi, M. Y. M., Dahlan, H. M. & Shehzad, H. M. F. 2021. Social Media Usage for Informal Learning in Malaysia: Academic Researcher Perspective. *International Journal of Information and Communication Technology Education* 17(2): 103–117. doi:10.4018/IJICTE.2021040107
- Anita Ismail, Farah Laili Muda & Sakinah Ahmad. 2021. Penggunaan Media Sosial Dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021* (September): 532–546. Retrieved from <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/14403>
- Bjursell, C., Bergmo-Prvulovic, I. & Hedegaard, J. 2021. Telework and Lifelong Learning. *Frontiers in Sociology* 6(March): 1–8. doi:10.3389/fsoc.2021.642277
- Brookfield, S. (1986). Understanding and Facilitating Adult Learning: A Comprehensive Analysis of Principles and Effective Practices. Buckingham: Open University Press.
- Di Rienzo, P. 2020. Making informal adult learning visible. The recognition of the third sector professionals' key competences. *Education Sciences* 10(9): 1–15. doi:10.3390/educsci10090228
- Gusenbauer, M. & Haddaway, N. R. 2020. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar,

- PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods* 11(2): 181–217. doi:10.1002/jrsm.1378
- Junoh, A. M., Abd Ghani, Z., Jailani, M. R. M. & Noor, K. M. 2013. Profil Penyertaan Dalam Pendidikan Non-Formal Di Masjid : Implikasi Terhadap Pembangunan Modal Insan Belia = Participation Profile of Non-Formal Education at Masjid : The Implications on the Development of Human Capital among Youths. *'Ulūm Islāmiyyah Journal* 11: 31–47. doi:10.12816/0008072
- Kristophorus Hadiono & Rina Candra Noor Santi. 2020. Menyongsong Transformasi Digital . *Proceeding SENDIU* (July): 81–84.
- Knowles, M. (1984). *The adult learner: A neglected species* (3rd ed.). Houston: Gulf Publishing.
- Marsick, V. J. & Watkins, K. E. 2001. Informal and Incidental Learning. *New Directions for Adult and Continuing Education* 2001(89): 25. doi:10.1002/ace.5
- Mashitah Binti Sulaiman, Mohd Nazir Bin Ahmad , Anita Ismail, S. M. H. 2022. 070-Pembangunan Media Sosial Baharu dan Impaknya Terhadap. *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami Istet 2022 anjuran Pusat Pengajian Teras, USIM pada 19 Oktober 2022*. 638–672.
- Mirbabaie, M., Bunker, D., Stieglitz, S., Marx, J. & Ehnis, C. 2020. Social media in times of crisis: Learning from Hurricane Harvey for the coronavirus disease 2019 pandemic response. *Journal of Information Technology* 35(3): 195–213. doi:10.1177/0268396220929258
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A. & Hamdan, M. E. 2020. Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production* 258: 120595. doi:10.1016/j.jclepro.2020.120595
- Mohamed Shaffril, H. A., Samsuddin, S. F. & Abu Samah, A. 2021. The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality and Quantity* 55(4): 1319–1346. doi:10.1007/s11135-020-01059-6
- Mohd Ismail Mustari , Bushrah Basiron , Kamarul Azmi Jasmi Ajmain@Jimain Safar, & Azhar Muhammad. 2017. Membangun Potensi Masjid Sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam & Masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(2): 46–58.
- Mokhtar, S. bin, Thia, K., Othman, I. W., Moharam & Al-Hadi, M. M. 2021. Prospek Dan Cabaran Implementasi Dakwah Dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021* (September): 408–418.
- Muhammad Talhah Ajmain & Sharul Fitry AbdulMajid. 2019. Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlak (May): 0–14.
- Muharom, F., Nugroho, A. & Putra, H. R. P. 2022. Self-directed Use of Digital Devices for Out-of-class English Learning. *International Journal of Education in Mathematics,*

Science and Technology 10(1): 257–271. doi:10.46328/ijemst.2245

- Nofrianti, Y. & Arifmiboy, A. 2021. Challenges and Problems of Learning Islamic Religious Education in the Digital Era. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies* 5(1): 34. doi:10.30983/it.v5i1.4375
- Noradilah binti Aziz & Lai Wei Sieng. 2019. Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM (Impact of Technology Based Education on Student Performance in UKM). *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1): 69–75.
- Page MJ, McKenzie JE, Bossuyt PM, Boutron I, Hoffmann TC, Mulrow CD, et al. (2021) The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *PLoS Med* 18(3): e1003583. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1003583>
- Ramli, I. S. M., Maat, S. M. & Khalid, F. 2019. Learning Analytics in Mathematics: A Systematic Review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 8(4): 436–449. doi:10.6007/ijarpd/v8-i4/6563
- Saiful, N., Abdullah, Ali, R., Nadiah, N., Athirah, R. & Isa, M. 2021. Cabaran Guru Dalam Pengajaran Digital Secara Maya Dan Kesediaan (November 2021).
- Shafie, B. Hi. M., Talib, No. H. F. & Talib, A. H. T. & A. T. 2011. Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies* 5(November 2015): 127–142. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/283477925_Masjid_Menjana_Pembentukan_Belia_Rabbani
- Ulum, M., Rahman, A. A., Maharani, S. & Purnomo, A. 2021. Islamic Education and Social Media Transformation in Pandemic Era: Challenges and Opportunities in Indonesia. *Cendekia: Jurnal Kependidikan dan Kemasyarakatan* 1(1): 185–196. doi:10.21154/cendekia.v1i1.2662
- Whyte, S. A. 2022. Islamic Religious Authority in Cyberspace: A Qualitative Study of Muslim Religious Actors in Australia. *Religions* 13(1): 1–16. doi:10.3390/rel13010069
- Zawin Hannan Soffea Shahbudiin, Setiayawan Gunardi. 2023. Tinjauan literatur sistematik terhadap peranan institusi masjid di malaysia 29: 54–71.